

## KERETA TERBAKAR AKIBAT KEMALANGAN

Oleh: Ummu Afifah Binti Abdul Wahab 1180305

GERIK-Seorang anggota polis maut apabila kereta yang dipandunya terbakar selepas bertembung dengan sebuah lori di Kampung Air Jada, tengahari semalam.

Lans Koperal Ahmad Firdaus Ismail yang bertugas di Balai Polis Hutan Melintang, Hilir Perak dan berusia 24 tahun itu ketika kejadian sedang memandu kereta Toyota Vios dan kenderaannya dipercayai terbakar selepas bertembung dengan lori berkenaan.

Mangsa juga telah disahkan meninggal di tempat kejadian selepas dikeluarkan oleh orang ramai sebelum keretanya tiba-tiba terbakar.



Keadaan kereta Toyota Vios milik mangsa setelah pihak bomba memadam api kebakaran.

Bagaimanapun tiga orang mangsa yang menaiki lori iaitu pemandu, kelindan dan penumpang lain hanya mengalami cedera ringan dan dihantar ke hospital untuk rawatan susulan.

Keadaan lori tersebut pula remuk dibahagian hadapan akibat kemalangan dan kemudiannya melanggar penghadang jalan.



Kedudukan lori yang remuk setelah bertembung dengan kereta Toyota Vios.

Kejadian yang berlaku kira-kira pukul satu tengahari itu telah disaksikan oleh penduduk sekitar kampung. Menurut saksi kejadian, pemandu lori tersebut hilang kawalan daripada pemanduan dan masuk ke laluan bertentangan lalu bertembung dengan kereta yang dipandu mangsa.

“Memang di kawasan ini sering berlaku kemalangan”, kata Nurul Nadia Ibrahim, 32 seorang penduduk kampung di sekitar kawasan tersebut.

“Lagi-lagi dalam keadaan panas tengahari, pemandu akan berasa mengantuk dan hilang kawalan”, tambahnya.

Mayat arwah Ahmad Firdaus Ismail dibawa keluar oleh orang awam sebelum anggota bomba tiba di tempat kejadian. Pihak Bomba Dan Penyelamat Malaysia telah berjaya memadamkan api pada kereta mangsa daripada merebak.



Pihak bomba sedang memadam api kebakaran pada kereta Toyota Vios milik mangsa.